

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PEGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 7 TAHUN 1990**

### **DASAR PINDAHMILIK TANAH UNTUK MENARIK PELABURAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Jawatankuasa Pelaburan Negeri di dalam mesyuaratnya pada 19.12.1989 semasa membincang cara-cara untuk menarik pelaburan ke Negeri ini telah dibayangkan bahawa para pelabur kurang berminat untuk datang ke Negeri Kelantan di antara sebab-sebabnya tempoh hakmilik yang diberi kepada tanah-tanah yang diberimilik untuk perindustrian adalah selama 66 tahun sahaja sekiranya dibanding dengan negeri-negeri lain seperti Selangor dan beberapa buah negeri lagi di mana tempoh pajakan adalah selama 99 tahun.

2. Jawatankuasa setelah berbincang perkara ini dan mengambilkira modal yang diperlukan dan pulangan yangn diperolehinya sekiranya tempoh hakmilik tanah itu terhad, maka Jawatankuasa telah memperaku bahawa untuk menarik pelaburan pemberianmilik tanah untuk maksud perindustrian bolehlah diberi pertimbangan secara pajakan 99 tahun.
3. Keputusan Jawatankuasa itu setelah dipanjang kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan dan dalam mesyuaratnya pada 18.4.1990 semasa menimbang Kertas Bil. 8/246/90 telah membuat keputusan seperti berikut :-
  - (a) Tanah-tanah yang diberimilik untuk maksud perindustrian maka untuk menarik pelaburan pemberian milik tanah bolehlah diberi pertimbangan dengan cara pajakan 99 tahun.

- (b) Bagi kes tanah-tanah yang telah diberimilik terdahulu selama 66 tahun maka pihak usahawan bolehlah membuat permohonan untuk memanjangkan tempoh tersebut kepada 99 tahun yang mana tempoh 99 tahun itu adalah dikira permulaan daripada tarikh pendaftaran hakmilik yang asal (bukan daripada tarikh pendaftaran hakmilik baru yang akan dikeluarkan) dan premium tambahan hendaklah dikenakan berdasarkan kepada tempoh masa tambahan itu iaitu  $\frac{1}{2} \% \times$  harga pasaran  $\times$  tempoh tambahan.
4. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Bil. 2/88 (para 2.3 dan 2.4.3)

**t.t**

**(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)**

PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,  
KOTA DARULNAIM,  
15576, KOTA BHARU**

**BERTARIKH : 6hb. MEI 1990**

**KEPADA :**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan,  
Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tan Sri Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengurus Besar PKINK
10. YABrs. Pengurus Besar KESEDAR.
11. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**FAIL : P.T.G.KN.141/79/JLD.3(14)**